



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
Jabatan Kewangan (Hasil)
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
No. Tel : 03-26179943/48 No. Fax : 03-26983415
Email : elaunkekosongan@dbkl.gov.my

BORANG PERMOHONAN ELAUN KEKOSONGAN

Seksyen 162 Akta Kerajaan Tempatan 1976

BAGI TEMPOH : JANUARI – JUN / JULAI – DISEMBER TAHUN _____

MAKLUMAT PEMILIK

- 1. Nama Pemilik** : _____
- 2. Alamat Harta** : _____

- 3. Alamat Surat Menyurat** : _____

- 4. No. Telefon** : (R) _____
 : (B) _____ **5. Email :** _____
 : (P) _____

MAKLUMAT HARTA

No. Fail (Jika ada) : _____

Jenis Harta : **Kediaman** **Komersial**
 Lain-lain : _____ **(Sila Nyatakan)**

Bil.	No. Akaun Cukai Taksiran	Unit/tingkat yang kosong	Keluasan kaki persegi
1.			
2.			
3.			

Nota: (i) Sekiranya Melebihi 3 akaun, sila sertakan lampiran.
(ii) Keluasan minimum 1000 kaki persegi bagi harta komersial (8% & 10%)

Tandatangan : _____

Nama Pemohon : _____

Tarikh : _____



**JABATAN KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN ELAUN KEKOSONGAN

Pemberian elaun kekosongan hanya boleh dipertimbangkan sekiranya syarat-syarat di bawah Seksyen 162, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) seperti di bawah ini dipatuhi.

1. Tuntutan hanya boleh dibuat jika bangunan tersebut **kosong** dan **tidak dapat disewakan** lebih dari sebulan.
2. Pemilik hendaklah mengemukakan **PERMOHONAN BERTULIS** mengenai kekosongan tersebut **dalam tempoh 7 hari** bermula dari tempoh kekosongan bangunan.
3. Permohonan perlu disertakan **BUKTI** yang memuaskan bagi perkara-perkara berikut:-
 - a) Bangunan dalam keadaan baik dan selamat diduduki
 - b) Segala usaha telah dijalankan supaya mendapat penyewa
 - c) Sewa yang ditawarkan adalah munasabah
 - d) Bangunan telah kosong semasa tempoh yang dituntut
4. Bagi tujuan di atas, pemilik perlu mengemukakan keratan iklan dalam surat khabar dan Salinan resit pengiklanan atau surat daripada agen hartanah yang telah dilantik.
5. Jika bangunan sedang dalam pembaikan untuk ianya layak diduduki dan pemilik membuat permohonan, maka Perkara (a), (b) dan (c) tidak perlu dibuktikan.
6. Pemilik mesti menyatakan tarikh-tarikh kekosongan dan alamat untuk dihubungi.
7. Tarikh yang diambil kira adalah **tarikh permohonan diterima**. (Sekiranya permohonan diterima selepas 7 haribulan, tempoh kelayakan elaun kekosongan akan dikira pada bulan berikutnya).
8. Permohonan hendaklah **dibuat bagi setiap penggal** jika bangunan masih kosong.
9. **Bangunan untuk dijual tidak layak dipertimbangkan** untuk permohonan elaun kekosongan.
10. **Bagi pegangan kategori rumah kedai, perdagangan dan industri, keluasan minima** untuk permohonan elaun kekosongan ialah **1,000 kaki persegi**. Sekiranya keluasannya kurang daripada 1,000 kaki persegi pemberian elaun kekosongan tidak layak dipertimbangkan.

PERINGATAN

Permohonan Elaun Kekosongan tidak akan dipertimbangkan sekiranya tunggakan Cukai Taksiran tidak dijelaskan sepenuhnya.